Jangka hayat meningkat 15 tahun

Kuala Lumpur: Jangka hayat pesakit yang menjalani transplan buah pinggang boleh meningkat antara 10 hingga 15 tahun.

Pakar Nefrologi Hospital Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Wan Zul Haikal Hafiz Wan Zukiman berkata namun dalam keadaan tertentu jangka hayat mereka boleh lebih panjang antara 25 hingga 30 tahun.

Menurutnya, ia bergantung kepada tahap kesihatan pesakit terbabit, sekiranya penyakit lain yang mereka hidapi iaitu kencing manis dan darah tinggi pada tahap terkawal.

"Sebaliknya, jika penyakit berkenaan tidak terkawal (kencing manis dan darah tinggi), maka buah pinggang baharu diterima lebih cepat rosak.

"Selain itu, penyakit autoimun yang pesakit hidapi juga boleh menyerang kembali organ ini dan mengakibatkan kerosakan buah pinggang," katanya.

Meurutnya, antara kelebihan transplan buah pinggang daripada pasangan ialah tempoh masa menunggu untuk mendapatkan organ berkenaan lebih cepat dan mudah.

"Sekali gus dapat meningkatkan tahap kesihatan pesakit apabila dapat menjalani prosedur transplan organ lebih cepat.

"Selain itu, lebih mudah untuk memberikan sokongan emosi kepada pasangan sekirannya salah seorang daripada mereka sama ada isteri atau suami mengalami kemurungan,"katanya.

Mengulas lanjut Dr Wan Zul Haikal Hafiz berkata, kesesuaian buah pinggang untuk didermakan kepada pasangan adalah bergantung kepada ujian darah dan ujian keserasian tisu.

Katanya lagi, terutama bagi penderma dan penerima organ yang mempunyai jenis darah berbeza.

"Suami isteri yang mempunyai jenis darah yang sama adalah lebih sesuai untuk menerima organ berkenaan.

"Tetapi masih mempunyai 0.2 sehingga 1 peratus kemungkinan risiko penolakan organ dan risiko ini sangat rendah.

"Bagi jenis darah yang berbeza, risiko penolakan adalah lebih tinggi,akan tetapi kemudahan kesihatan yang ada di Malaysia boleh membenarkan tranplan itu, walaupun jenis darah berbeza,"katanya.

Namun begitu katanya, masyarakat usah bimbang kerana risiko penolakan organ di Malaysia sangat jarang berlaku iaitu kurang daripada dua peratus.

> **"Bagi jenis darah yang berbeza, risiko penolakan adalah lebih tinggi**
> Dr Wan Zul